

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD  
ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ] minta  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
menyatakan apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan untuk  
terus menjaga kedudukan pasaran minyak sawit Malaysia terus menjana  
pendapatan tinggi.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit merupakan salah satu penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara. Pada tahun 2013, nilai eksport produk-produk sawit adalah RM63.2 juta dan ini menyumbang 8.8% daripada keseluruhan eksport negara.

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk terus memperkukuhkan pembangunan industri ini dan penjanaaan pendapatan eksport termasuk:

- i. Meningkatkan aktiviti-aktivit promosi minyak sawit di luar negara bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada dan mempelopori pasaran-pasaran baharu. Ini termasuk menganjurkan *Palm Oil Trade Seminar* (POTS) di pasaran-pasaran utama bagi menyebarkan maklumat kelebihan dan kesesuaian minyak sawit;
- ii. Menggalakkan industri menghasilkan produk-produk nilai tambah untuk tujuan makanan dan bukan makanan. Langkah ini akan memperkukuhkan permintaan produk-produk yang berasaskan sawit, di samping meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam penghasilan produk-produk tersebut;
- iii. Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baharu bernilai tambah tinggi seperti minyak masak

Novelin, kapsul Vitamin E, keju mozarella dan santan sawit. Kejayaan ini telah berjaya mempelbagaikan kegunaan minyak sawit;

- iv. Melibatkan secara aktif dalam rundingan-rundingan dua hala, antaranya Perjanjian Perdagangan Bebas bagi mengurangkan atau menghapuskan halangan tarif dan bukan-tarif yang dikenakan ke atas minyak sawit. Melalui usaha ini, Kerajaan dapat membantu pengekspor-pengeksport produk-produk berasaskan sawit negara mengurangkan kos eksport melalui pengurangan dan penghapusan tarif; dan
- v. Memantau aktiviti-aktiviti badan-badan bukan Kerajaan (NGO) di negara-negara Barat yang memberi imej negatif terhadap minyak sawit dari sudut kemampuannya. Ini termasuk mengambil tindakan susulan bagi menangani perkara ini agar pasaran eksport tidak terjejas.

Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan melaksanakan pensijilan minyak sawit Malaysia di bawah *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). Langkah ini akan membolehkan Malaysia meningkatkan imej minyak sawit Malaysia dari sudut kemampuan pengeluaran di pasaran-pasaran utama.

Sekian, terima kasih.